


# Pembedahan Gantian Sendi Lutut

Komponen sendi lutut yang biasa



## Kesakitan yang serius

- Ketidakupayaan untuk berjalan jarak yang dekat
- Ubat tidak mampu mengurangkan kesakitan
- Tidur yang terganggu

## Pembedahan disyorkan

Sendi lutut yang diganti



1. femur ( tulang peraih)  
2. patela (tempurung lutut)  
3. rawan (cartilage)  
4. meniskus  
5. tibia ( tulang betis)



Tangguh pembedahan

- 1 - 2 bulan
  - terus mengalami simptom-simptom
- 3 - 6 bulan
  - terus mengalami kesakitan yang sama atau kesakitan yang lebih serius dan keupayaan bergerak berkurangan

Menerima pembedahan

- 1 - 2 bulan
  - tempoh pemulihan
- 3 - 6 bulan
  - kembali kepada aktiviti harian

Adakah ini masanya untuk berbincang dengan pakar ortopedik anda tentang pembedahan gantian sendi lutut?

Jika anda menjawab "ya" kepada mana-mana soalan yang berikut.

- Adakah anda mengalami kesakitan pada bahagian lutut anda sekali atau lebih dalam masa seminggu?
- Adakah kesakitan itu mengganggu tidur anda?
- Adakah anda berasa sakit sekiranya anda berjalan lebih daripada 100 meter?
- Adakah ubat penahan sakit kini telah hilang kesannya?
- Adakah kesakitan ini mengganggu anda dalam aktiviti harian?
- Adakah berat badan anda bertambah disebabkan oleh kekurangan aktiviti, dan kekurangan aktiviti ini adalah disebabkan oleh kesakitan pada bahagian lutut?
- Bolehkah anda berehat selama beberapa bulan untuk pulih dari pembedahan lutut?
- Adakah anda bersedia untuk bekerja keras dalam pemulihan selepas pembedahan?

Sila bincang dengan pakar ortopedik anda mengenai pilihan rawatan anda dengan lebih terperinci.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.kneereplacement.com](http://www.kneereplacement.com)

DePuy

Maklumat pengetahuan pesakit ini adalah disokong oleh DePuy, sebuah syarikat milik Johnson & Johnson Company

DEPUY/KR/01/07MY

Printed In Malaysia

©2006 DePuy Orthopaedics, Inc. All rights reserved.

Lutut anda sepatutnya  
**memberi kebebasan**  
bergerak tetapi bukan menghadkan pergerakan



[www.kneereplacement.com](http://www.kneereplacement.com)

Mengapa lutut anda sakit?



Sekiranya anda menghidapi osteoarthritis (OA), kesakitan pada bahagian lutut anda adalah disebabkan oleh rawan lutut yang haus. Anda boleh merawati simptom-simptom OA lutut (misalnya kesakitan, ketegangan dan kesukaran untuk bergerak) dengan pelbagai cara melalui mengurangkan berat badan ataupun mengambil ubat, ataupun rawatan suntikan. Namun, tiada sebarang kaedah yang boleh menyembuhkan OA lutut dari keadaan kesakitan dan ketidakupayaan yang akan menjadi semakin buruk dengan peredaran masa.<sup>1</sup>

Jangan  
bertangguh lagi

Diagnosis awal OA lutut dengan rawatan yang bersesuaian adalah penting untuk keupayaan bergerak anda dalam jangka panjang.<sup>2</sup> Jika doktor anda telah mecadangkan supaya anda menjalani penggantian lutut, jangan menangguhkan pembedahan anda lagi.

# Gantian sendi lutut yang unik

## Benar atau salah?

### Lutut anda membengkok dan melurus seperti satu engsel

Salah : Lutut anda bukan satu engsel yang hanya bergerak dalam satu arah sahaja.

Benar : Permukaan sendi lutut anda berboleh dan bergelongsor antara satu sama lain apabila anda membengkokkan lutut anda. Dengan kata lain, lutut anda berputar secara semula jadinya apabila ia dibengkokkan.

Gantian Sendi Lutut Platform Berputar dicipta untuk pesakit yang ingin menjalani penggantian lutut yang membolehkan pergerakan biasa tetapi pada masa yang sama mengurangkan kehausan komponen lutut berbanding dengan penggantian lutut yang biasa.<sup>4</sup> Mengikut kajian DePuy di kalangan pakar-pakar Orthopedik, pesakit yang diikuti selama beberapa tahun menunjukkan 97% tahap kepuasan selepas 5 tahun menjalani pembedahan penggantian lutut Platform Berputar.<sup>5</sup> Tanya doktor bedah ortopedik anda samada lutut Platform Berputar sesuai untuk anda.

### Pergerakan Lutut Anda

Apabila anda membengkokkan lutut anda, ia berputar secara semula jadinya.

Lutut membengkok <sup>a,10</sup>	Lutut berputar <sup>a,10</sup>
Sudut bengkokan	Darjah putaran
	57°
	60°
	162°
	90° – 100°
	75° – 80°
	6°
	8°
	15°
	11°
	9°

Lutut anda tidak membengkok seperti satu engsel sahaja, ia berputar secara semula jadinya apabila anda membengkokkannya. Oleh itu, lutut baru anda juga seharusnya berupaya untuk berputar.

PFC Sigma™ Rotating Platform High Flexion Knee

# Soal & Jawap

### Adakah terdapatnya penggantian lutut yang dicipta hanya untuk lelaki dan perempuan? Perlukah saya mendapatkan salah satu daripadanya?

Tiada bukti klinikal yang menyokong keperluan untuk penggantian lutut yang spesifik untuk jantina. Kami juga tiada maklumat klinikal untuk kejayaan penggantian lutut ikut jantina untuk jangka masa yang panjang. Kami hanya boleh mengetahui keputusannya, iaitu adakah gantian ini boleh tahan untuk tempoh masa yang sama dengan ketahanan gantian lutut yang sedia ada pada masa sekarang ini selepas beberapa tahun.

Lebih daripada 60% gantian lutut ini dilakukan untuk golongan wanita dan tahap kepuasan ialah di antara 90-95%.<sup>11,12</sup> Pakar bedah anda mempunyai pelbagai jenis saliz dan jenis gantian yang sedia ada untuk memenuhi permintaan spesifik anda.

### Adakah pembedahan luka kecil atau minimal invasive surgery (MIS) merupakan satu pilihan baik yang boleh dipertimbangkan?

Terdapat kajian awal yang menunjukkan kebaikan minimal invasive surgery (MIS) seperti pendarahan yang lebih sedikit, tempoh tinggal hospital yang lebih pendek dan pergerakan yang lebih baik.<sup>13</sup> Akan tetapi, terdapat kajian lain yang menunjukkan lebih banyak kesulitan untuk kaedah ini, misalnya perlakatan kedudukan lutut gantian yang tidak tepat dan tiada perbezaan dalam tempoh pemulihan berbanding dengan penggantian lutut yang biasa.<sup>13</sup> Kami hanya boleh mengetahui kesannya selepas lebih kurang 10-15 tahun sama ada teknik ini akan mempengaruhi fungsi jangka panjang dan ketahanan gantian tersebut disebabkan kaedah ini adalah masih baru secara relatif.<sup>13</sup> Anda harus berbincang dengan doktor pembedahan anda untuk mengetahui bahawa adakah MIS merupakan satu kaedah rawatan pembedahan yang sesuai untuk anda.

### Bolehkah insurans membayar untuk penggantian lutut saya?

Anda harus mendapatkan maklumat yang lengkap daripada syarikat insurans anda. Sekiranya anda atau suami/isteri anda adalah pesara kerajaan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mungkin boleh menawarkan bantuan kepada anda. Sumber-sumber kewangan lain termasuk KWSP dan jabatan kebajikan. Terdapat juga pesakit yang membayar dengan wang sendiri. Anda boleh mendapatkan maklumat daripada doktor anda tentang pilihan bayaran.

### Apakah jenis anesthesia yang akan digunakan semasa pembedahan dilakukan?

Terdapat dua jenis anesthesia yang digunakan semasa pembedahan penggantian lutut dilakukan. Jenis pertama ialah anesthesia umum di mana pesakit dibiuskan sepenuhnya dalam keadaan tidur manakala jenis kedua ialah anesthesia sebahagian badan di mana bahagian tubuh sebelah bawah dibiuskan, biasanya dengan suatu epidural. Jenis anesthesia yang akan digunakan terhadap pesakit bergantung kepada pesakit individu, dan juga cadangan doktor pembedahan dan pakar anesthesia. Sekiranya anda mempunyai soalan terhadap jenis anesthesia yang akan digunakan semasa pembedahan dilakukan, anda boleh berbincang dan bertanya kepada doktor anda.

### Apakah risiko-risiko dalam pembedahan ini?

Berikut adalah beberapa komplikasi yang mungkin anda hadapi selepas menjalani pembedahan ini. Berbincang dengan doktor anda supaya anda boleh mengetahui kaedah-kaedah untuk mengelakkannya.

1. Darah Beku atau deep venous thrombosis (DVT). Beku berlaku apabila darah dalam vena besar dalam kaki membentuk bekru darah di dalamnya.
2. Jangkitan: sebab-sebab jangkitan yang paling umum selepas suatu pembedahan ialah jangkitan bakteria yang memasuki badan melalui saluran mulut, jangkitan saluran air kencing atau jangkitan kulit.<sup>13</sup> Akan tetapi, semasa pembedahan dilakukan, pasukan ahli pembedahan anda akan mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengurangkan risiko jangkitan.

Fungsi sendi gantian lutut bergantung kepada beberapa faktor, termasuk umur, berat badan, tahap aktiviti dan faktor-faktor lain. Jika faktor-faktor ini terdapat pada anda, pemulihan akan mengambil masa. Sekiranya keadaan anda tidak membenarkan anda menjalani pemulihan, anda tidak harus menjalankan pembedahan ini. Hanya doktor pembedahan anda boleh mengenal pasti adakah penggantian lutut merupakan satu pilihan yang sesuai untuk anda.



### Adakah saya akan mengalami kesakitan yang teruk selepas pembedahan?

Kebanyakan pesakit mendapati bahawa kesakitan selepas pembedahan boleh diterima, boleh dirawati dan ia berkurangan dengan peredaran masa. Pakar bedah dan kaki tangan hospital mempunyai pelbagai kaedah untuk mengurangkan kesakitan yang dialami oleh pesakit selepas menggunakan ubat-ubatan yang dimakan atau disuntik.



### Apakah yang patut saya jangkakan dalam beberapa hari selepas pembedahan?

Pemulihan dan rehabilitasi adalah aspek-aspek penting selepas pembedahan gantian lutut anda. Anda boleh berbincang dengan pakar bedah dan pakar terapi fizikal untuk merancang satu program yang sesuai untuk keadaan anda. Anda harus memainkan peranan yang aktif dan bertanggungjawab dalam proses pemulihan kerana mentulihkan julat pergerakan dan kekuatan sendi adalah amat penting. Anda boleh memulihkan kekuatan sekali lagi apabila diberi masa yang cukup, akan tetapi julat pergerakan harus dipulihkan secepat mungkin sebelum tisu parut menjadi kuat.

### Berapa harakah saya perlu tinggal di hospital?

Biasanya, seseorang pesakit tinggal di hospital untuk dua hingga enam hari.

### Apa yang akan berlaku setelah saya keluar dari hospital?

Walaupun anda boleh berjalan dengan alat bantu jalan dalam masa yang singkat selepas pembedahan, anda akan memerlukan bantuan daripada orang lain untuk beberapa minggu untuk melakukan kerja-kerja rumah dan membeli belah. Sekiranya anda tinggal berseorangan, anda dinasihati untuk membuat persediaan awal supaya adanya orang yang boleh membantu anda di rumah, atau mengatur untuk satu tempoh tinggal yang singkat di tempat kemudahan penjagaan semasa perulihan anda.

### Siapakah yang akan menjaga saya dan keluarga saya selepas pembedahan?

Pada peringkat permulaan selepas keadaan mungkin amat mencabar. Anda memerlukan sokongan rakan-rakan dan keluarga yang boleh membantu anda dalam aktiviti harian dan menggalakkan anda sepanjang masa pemulihan. Anda perlu ingat anda sebenarnya boleh berjalan semasa pemulihan. Anda seharusnya boleh berjalan dengan bantuan alat bantu jalan sebelum anda keluar dari hospital.

### Bilakah saya boleh melakukan aktiviti harian sekali lagi?

Biasanya, anda boleh melakukan aktiviti harian semula selepas 3 – 6 minggu dan merandau selepas 4 – 6 minggu.

### Apakah aktiviti-aktiviti yang boleh saya lakukan semula?

Anda boleh mengambil bahagian dalam banyak aktiviti selepas penggantian sendi lutut. Walau bagaimanapun, anda harus mengelakkan aktiviti-aktiviti yang akan mengenakan tekanan yang terlalu banyak terhadap lutut anda, misalnya berlari dan melompat yang keterlaluan. Di bawah adalah contoh aktiviti yang anda boleh lakukan sekali lagi selepas pemulihan anda:<sup>14</sup>

- Berdoa secara melutut
- Tai Chi
- Menaiki tangga
- Golf
- Yoga
- Tennis bergu
- Berkebun
- Berjalan
- Memandu
- Berbasikal
- Berenang
- Menari

1. American Academy of Orthopaedic Surgeons ([http://orthoinfo.aaos.org/fact/0r\\_report.cfm?Thread\\_ID=177&topiccategory=Arthritis](http://orthoinfo.aaos.org/fact/0r_report.cfm?Thread_ID=177&topiccategory=Arthritis)) 2006.
2. American Academy of Orthopaedic Surgeons (<http://orthoinfo.aaos.org/research/statistics/2008placementChart.pdf>) 2006.
3. The Arthritis Foundation (<http://www.arthritis.org/research/Bulletin/vol5/no11/printable.htm>) 2006.
4. McNeely, D., et al. "The Effect of Crosslinking UHMWPE On In-Vitro Wear Rates of Fixed and Mobile Bearing Knees." ASTM STP 1445 ([www.astm.org](http://www.astm.org)) 2004.
5. DePuy Multi-Center Study, Depuy Orthopaedics, Inc. Internal Data, 2006.
6. Porte, Paul R., et al. "Timing of Total Joint Replacement: Mid-Term Clinical Outcomes Among Patients With Dislocations of the Hip or Knee." *Arthritis & Rheumatism* 42(8): August 1999: 1722-1728.
7. Porte, Paul R., et al. "Timing of Total Joint Replacement: Mid-Term Clinical Outcomes Among Patients With Dislocations of the Hip or Knee." *Arthritis & Rheumatism* 46 (12), December 2002: 3327-3330.
8. American Academy of Orthopaedic Surgeons ([http://orthoinfo.aaos.org/fact/0r\\_report.cfm?Thread\\_ID=177&topiccategory=Arthritis](http://orthoinfo.aaos.org/fact/0r_report.cfm?Thread_ID=177&topiccategory=Arthritis)) 2006.
9. Data on file at Depuy Orthopaedics Surgeons.
10. Estimates of degrees of bending and rotation, based on experienced orthopaedic surgeon's opinion.
11. American Academy of Orthopaedic Surgeons (<http://www.aaos.org/wristhand/research/HIPS/HIPfacts.htm>) 2006.
12. American Academy of Orthopaedic Surgeons ([http://orthoinfo.aaos.org/fact/0r\\_report.cfm?Thread\\_ID=472&topiccategory=Knee](http://orthoinfo.aaos.org/fact/0r_report.cfm?Thread_ID=472&topiccategory=Knee)) 2006.
13. American Academy of Orthopaedic Surgeons ([http://orthoinfo.aaos.org/fact/0r\\_report.cfm?Thread\\_ID=513&topiccategory=Knee](http://orthoinfo.aaos.org/fact/0r_report.cfm?Thread_ID=513&topiccategory=Knee)) 2006.
14. American Academy of Orthopaedic Surgeons ([http://orthoinfo.aaos.org/fact/0r\\_report.cfm?Thread\\_ID=275&topiccategory=Knee](http://orthoinfo.aaos.org/fact/0r_report.cfm?Thread_ID=275&topiccategory=Knee)) 2006.

Untuk maklumat lanjut mengenai gantian sendi lutut, sila layari [www.kneereplacement.com](http://www.kneereplacement.com)